

Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Ibrahim Haji Abdullah)

Al-Qur'ān	Al-Hadīth	Hukama
<p>Wahai banī Adam, janganlah sampai kamu diperdayakan oleh syaitan sebagaimana dia telah mengeluarkan ayah bondamu dari dalam syurga. Ia bukakan daripada diri keduanya pakaian yang melekat di badan, sehingga terbuka aurat mereka. Sesungguhnya syaitan itu dan pengikut-pengikutnya melihat akan kamu, padahal kamu tidak melihat akan mereka. Sesungguhnya kami jadikan syaitan itu menjadi pemimpin bagi orang-orang yang tidak beriman.</p> <p style="text-align: right;">(Sūrat al-A'raf: 27).</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Orang-orang yang berjuang hendak membayar hak-hak Kami, nescaya Kami tunjukkan buat melalui jalan Kami, Allah berserta orang-orang yang membuat kebajikan.</p> <p style="text-align: right;">(Sūrat al-'Ankabūt: 69).</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Kami wasiatkan kepada manusia supaya mereka berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapanya. Ibunya mengandung dia dengan berbadan lemah berlipat ganda (dengan melahirkan dan menyusukannya). – Dan menceraikan dari menyusu, selepas dua tahun lamanya. Sebab itu hendaklah berterima kasih kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada Aku tempat kamu kembali.</p> <p style="text-align: right;">(Sūrat al-Luqmān: 14).</p>	<p>Rasulullah <i>ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam</i> telah mengajarkan doa kepada sahabat-sahabatnya sebagai berikut “Ya, Allah perkenankanlah aku untuk menyintai-Mu dan menyintai mereka yang menyintai-Mu, dan perkara-perkara apa pun juga yang dapat membawa aku hampir kepada kecintaan-Mu dan buatlah cinta-Mu itu lebih indah kepada aku daripada air yang dingin bagi yang kehausan.”</p> <p style="text-align: right;">(Sabda Nabi)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Aku telah memeriksa ke dalam neraka, dan aku lihat di dalamnya penuh dengan perempuan-perempuan, maka aku tanyakan sebab-sebabnya dan kemudian aku menerima jawapan begini: “Sebab mereka (perempuan-perempuan) itu suka memakai perkataan kasar terhadap suaminya dan tidak tahu berterima kasih.”</p> <p style="text-align: right;">(Sabda Nabi)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Jagalah perasaan kasih sayang bapa-bapamu, jangan engkau putuskan dia, kerana dengan sebab itu Allah akan padamkan cahayamu.</p> <p style="text-align: right;">(Sabda Nabi)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Perempuan tersusun daripada tulang rusuk yang bengkok, kalau engkau mencuba untuk meluruskannya, maka bererti engkau akan mematahkannya, kalau engkau tinggalkan ia sendirian, maka ia akan jadi semakin bengkok, maka oleh kerana itu perlakukanlah ia dengan lemah lembut.</p> <p style="text-align: right;">(Sabda Nabi)</p>	<p>Di mata orang yang sopan, tidak terlalu keberatan melihat sapi tidak berpakaian, tetapi sangat jijik melihat manusia yang setengah telanjang. Dan semulia-mulia pakaian ialah pakaian batin yang lebih mulia daripada pakaian tubuh kasar.</p> <p style="text-align: right;">(Hukama)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Sesungguhnya kebahagiaan itu didapati di dalam perjuangan yang terus-menerus. Bahagia yang paling besar ialah pada kemenangan yang silih berganti. Kerana kemenangan itu sesungguhnya tidak ada, kalau tidak ada perjuangan.</p> <p style="text-align: right;">(Ameen Rihani)</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Wahai pemegang pemerintahan, rasakan di hatimu perasaan ramah mesra terhadap rakyat. Kasih sayang dan lemah lembut terhadap mereka, engkau jangan merupakan binatang buas yang membahayakan, terdiri dari dua golongan: Pertama golongan yang merupakan saudara bagimu, sedang yang lain merupakan orang yang memerhatikan selalu keadaan akhlak tingkah lakumu.</p> <p style="text-align: right;">('Alī bin Abī Ṭālib).</p> <p style="text-align: center;">* * *</p> <p>Dan saya ingat beratus bahkan beribu orang yang telah menjadi korban daripada barang yang dicintainya. Daripada tanah airnya, bangsanya, nusanya, agamanya, keturunannya dan kehormatannya.</p> <p style="text-align: right;">(HAMKA)</p>